

Dirogol kenalan baru

Gadis sunti dikurung tiga hari, jadi pemuas nafsu sebelum berjaya melarikan diri

>>Oleh Sarah Zulkifli
sarah@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang remaja perempuan berusia 13 tahun bukan saja dirogol berulang kali ketika dikurung selama tiga hari oleh seorang lelaki, malah turut diugut bunuh atau dijadikan pelacur jika mendedahkan kejadian itu kepada keluarganya.

Bagaimanapun, remaja berkenaan yang dikurung dalam bilik di sebuah hotel di Pudu di sini, Jumaat lalu, dapat melarikan diri sebelum pulang ke rumah keluarganya di Sungai Besi, ke-

tika lelaki terbabit memasuki tandas.

Timbalan Ketua Polis Daerah Cheras, Superintendan Abd Rahim Hamzah Othman, ketika dihubungi, semalam mengesahkan kes berkenaan dan memaklumkan, polis sedang menjalankan siasatan.

Menurut sumber, sebelum kejadian, remaja terbabit dikatakan ke rumah neneknya kira-kira jam 3.30 petang Khamis lalu sebelum menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang baru dikenali.

Katanya, mangsa menerima panggilan daripada lelaki itu sekitar jam 6.30



Mangsa turut dipaksa menyerahkan RM200 kepada suspek tetapi mangsa maklum tiada wang"

petang sebelum menerima ajakan kenalan barunya itu untuk keluar bersama.

"Lelaki terbabit bagaimanapun tidak pergi bersiar-siar seperti dijanjikan, sebaliknya membawa mangsa ke bilik di sebuah hotel sebelum dirogol sebanyak tiga kali.

"Selepas dirogol, lelaki terbabit memaksa mangsa tinggal bersamanya selama tiga hari dalam bilik terbabit dipercayai untuk melayan nafsu serakahnya," katanya kepada Harian Metro di sini, semalam.

Sumber itu berkata, remaja itu kemudian dipaksa menyerahkan RM200 kepada suspek tetapi mangsa mendakwa tidak mempunyai wang.

Katanya, mangsa didakwa

turut diugut agar menutup mulut dan tidak memberitahu mengenai kejadian berkenaan kepada ahli keluarganya.

"Suspek akan bertindak untuk membunuhnya atau menjadikannya pelacur jika kejadian berkenaan dibocor kepada pengetahuan keluarganya," katanya.

Dia yang ketakutan mengambil kesempatan melarikan diri dari bilik hotel itu ketika lelaki terbabit menggunakan tandas.

Selepas memaklumkan kejadian itu kepada keluarga, mangsa dibawa ke balai polis berhampiran untuk membuat laporan, semalam.

H.M 24/06/08 M/S 7